

## Warga SMK Telok Panglima Garang kerjasama banteras aedes



Sebahagian pelajar yang terlibat dalam Program Musnah Nyamuk Aedes di sekolah itu.



Mohd Noor (kanan) memberi penerangan berkaitan pemusnahan aedes.

**TELOK PANGLIMA GARANG -** Seramai 80 peserta dan guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Telok Panglima Garang terlibat dalam Program Nyamuk Aedes minggu lalu.

Pengerusi Combi Daerah Kuala Langat, Mohd Noor Ahmad

berkata, aktiviti cari dan musnah aedes itu dibahagikan kepada 10 kumpulan di mana terdiri daripada pelajar, guru-guru-guru dan ahli jawatankuasa Combi bagi memberi peluang mendapatkan maklumat mengenai pembiakan aedes.

Menurutnya, manakala kontraktor kebersihan pula dibahagikan kepada tiga kumpulan bagi membantu membersihkan persekitaran sekolah.

"Hasil siasatan kita berjaya mengumpulkan empat

bekas sampel jejenticik dijumpai di tandas, baldi dan takungan air di rumah pekerja.

"Kita dapat longkang turut tersumbat sehingga menakung air dan dikhawatir antara penyebab berlakunya pembiakan aedes," katanya kepada pemberita di sini

baru-baru ini.

Mohd Noor berkata, peranan semua pihak dalam membantu banteras pembiakan aedes perlu ditingkatkan dalam usaha mewujudkan kawasan persekitaran yang bersih dan selamat.

## Empat bilik darjah siap hujung tahun

Projek itu sedang giat dilaksanakan selepas menerima peruntukan daripada Kementerian Pendidikan

AHMAD ISMADI ISMAIL

**P**rojek bangunan baharu empat bilik darjah Sekolah Kebangsaan (SK) Bangi, di sini, dijangka siap pada penghujung tahun ini.

Ketua Umno Bahagian Serdang, Datuk Dr Mohd Fathil Daud berkata, projek itu sedang giat dilaksanakan selepas menerima peruntukan daripada Kementerian Pendidikan.

"Saya dimaklumkan keadaan bangunan bilik darjah sedia ada sangat uzur, Kementerian Pendidikan sudi beri peruntukan sebanyak RM1.02 juta untuk baik pulih sekolah. Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam bantu dan berusaha merealisasikan pembangunan sekolah ini untuk kesajahteraan murid SK Bangi," katanya ketika ditemui pada Majlis Pecah Tanah Projek Bangunan 4BD SK Bangi, baru-baru ini.

Terdahulu, Kementerian Pendidikan akan memperuntukkan RM1.5 juta kepada tujuh sekolah di daerah Hulu Langat bagi tujuan



Mohd Fathil (dua, kanan) merasmikan majlis pecah tanah projek bangunan empat bilik darjah.

pelaksanaan kerja pembinaan yang kritis.

Menterinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, peruntukan akan disalurkan secara berperingkat mengikut keperluan supaya dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh murid-murid dan sekolah yang terlibat.

Menurutnya, SK

Bangi merupakan sekolah yang menerima peruntukan paling tinggi.

"Saya dimaklumkan oleh pegawai saya yang membuat lawatan ke sana, keadaan di sekolah itu memang teruk.

"Jadi ini inisiatif pihak kami dalam membantu pembangunan sekolah di sini," katanya.



Tetamu berdoa sebelum majlis pecah tanah dimulakan.

# MDKL sudah terima peruntukan

*Cadangan pembinaan pondok bas di hadapan ILP tersenarai dalam pelaksanaan tahun ini*

KUALA LANGAT

Tindakan sekumpulan belia mendirikan khemah sementara untuk keperluan orang awam termasuk pelajar-pelajar sekitar menunggu bas di hadapan Institut Latihan Perindustrian (ILP). Juga, kelmarin mendapat perhatian Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).

Timbalan Yang Dipertua MDKL, Mohd Yasin Bin Alwi berkata, MDKL telah menerima peruntukan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen) sebanyak RM24,000 untuk pembinaan pondok bas dan terdapat cadangan perhentian bas dibina di hadapan ILP.

"Bagaimanapun, untuk



Hafez (tengah) berada di depan khemah sementara yang dipasang di hadapan ILP Kuala Langat, kelmarin.

makluman masyarakat, tapak tersebut sebelum ini memang mempunyai pondok bas yang dibina oleh pihak ILP tetapi telah dirobohkan ketika pelebaran jalan oleh JKR dan tiada penggantian.

"Usaha sama di antara MDKL

dan JKR sangat baik dan cadangan pembinaan pondok bas di lokasi dimaksudkan sudah termasuk dalam senarai pelaksanaan tahun 2018 bagi lokasi di hadapan ILP Kuala Langat," katanya.

Dalam pada itu, pada tahun

2017 MDKL telah membina lima pondok bas dengan kos sebanyak RM98,000 melalui peruntukan daripada Upen bagi tujuan naik taraf laluan bas Smart Selangor iaitu dari Banting ke KLIA.

Lokasi pembinaan pondok bas

tahun 2017 termasuklah di Bandar Banting, Zetcom Olak Lempit, hadapan Taman Nuri Olak Lempit, Labuhan Dagang arah KLIA dan Labuhan Dagang arah Banting.

Kelmarin, Pengurus Belia 4B Kuala Langat, Hafez Shuriddin bersama ahlinya mendirikan sebuah khemah sementara untuk pengguna berteduh sementara mendapatkan perkhidmatan bas awam.

Menurutnya, beliau melihat sekumpulan pelajar terpaksa berpanas di kawasan tempat menunggu bas dan terpanggil untuk menjalankan aktiviti sukarela mendirikan khemah bagi kegunaan pelajar di kawasan itu.

"Khemah ini hanya sementara bagi keperluan mereka yang ingin menunggu bas di kawasan itu."

"Selepas ini taklah mereka berpanas menunggu bas, sehingga pembinaan pondok bas baru dibina," katanya.

Usaha itu dilakukan selepas foto sekumpulan pelajar yang terpaksa berpanas ketika menunggu bas berikut ketidaaan pondok bas tular di laman sosial.